

RM28.3j naik taraf kemudahan UMS-KAL

Lapan projek pembangunan dewan kuliah, kafeteria, lif dijangka siap awal tahun depan

BH 01.04.2012 4

Oleh Azri Onn
bhnews@bharan.com.my

LABUAN: Kerajaan Persekutuan memerlukan sebanyak RM28.3 juta bagi melaksanakan lapan projek pembangunan dan menaik taraf kemudahan asas di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), tahun ini.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, berkata peruntukan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi itu diberi untuk membina dan menaik taraf lapan projek pembangunan yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini hingga awal tahun depan.

Beliau berkata, projek berkenaan membabitkan pembinaan Dewan Kuliah Pusat dengan kos sebanyak RM25 juta dan dijangka siap sepenuhnya Februari depan.

"Selain pembinaan Dewan Kuliah Pusat, projek lain yang akan dibina dan dinaik taraf antaranya laluan berbumbung, menaik taraf kafete-

ria, pemberian laluan kabel elektrik di kolej kediaman, menaik taraf kemudahan sukan dan lif di kampus berkenaan," katanya kepada *Berita Minggu*, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Program Kampus Ceria 2012 di Kampus UMS-KAL.

Hadir sama, Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang; Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, kewujudan UMS-KAL turut membantu menjana ekonomi, industri pelancongan dan pertambahan penduduk di Labuan.

"Kewujudan UMS-KAL juga menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan selain mengeratkan hubungan dua hala antara universiti dengan masyarakat setempat," katanya.



ABDULLAH (tiga dari kanan) dan Shariff (enam dari kanan) bersama pelajar mengecat laluan pejalan kaki sempena program Kampus Ceria di UMS-KAL di Labuan, semalam.

© AZRI ONN | BERITA MINGGU